



SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 7 TAHUN 1985

UBAHSUAI PERLAKSANAAN PERUNTUKAN-PERUNTUKAN YANG TERDAPAT DI DALAM PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 5 TAHUN 1978

1. TUJUAN

1.1 Tujuan Surat Pekeliling ini ialah untuk menerangkan beberapa pengubahsuaian akan peraturan-peraturan yang tertentu di dalam [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5/78](#) yakni yang berkaitan dengan keistimewaan dan kelonggaran syarat, selepas tamatnya tempoh keistimewaan dan kelonggaran tersebut pada 1hb Julai, 1983.

2. LATARBELAKANG

2.1 [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5/78](#) telah dikeluarkan pada 16hb Jun, 1978 sebagai usaha untuk melaksanakan penyatuan sepenuhnya perkhidmatan-perkhidmatan di bawah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan dan perkhidmatan-perkhidmatan di Jabatan-jabatan yang di Persekutuan yang terdapat di Sabah dan Sarawak. Langkah tertentu ini adalah merangkumi pemindahan ke skim-skim perkhidmatan Kerajaan Persekutuan yang berkenaan yang dipakai oleh Jabatan-jabatan Persekutuan di Semenanjung Malaysia serta menaklukkan peraturan dan amalan pentadbiran kakitangan mengikut yang dipakai oleh Jabatan-jabatan Persekutuan.

2.2 Kesan penyatuan pegawai dan kakitangan ke dalam perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan Persekutuan adalah bermakna bahawa urusan pertukaran dan urusan naik pangkat hendaklah dikuatkuasakan kepada semua pegawai dan kakitangan secara keseluruhan. Ini bermakna pegawai-pegawai dan kakitangan sesuatu Jabatan Persekutuan boleh ditukar ke mana-mana cawangan di Negeri Sabah, Negeri Sarawak atau Semenanjung. Urusan kenaikan pangkat pula hendaklah dipertandingkan di antara pegawai-pegawai/kakitangan yang layak yang berkhidmat di mana-mana tempat. Syarat perlantikan ke mana-mana skim serta syarat-syarat kenaikan pangkat hendaklah mengikuti yang terdapat di skim Kerajaan Persekutuan yang berkenaan.

3. PERKARA-PERKARA YANG DIUBAHSUAI

3.1 Namun begitu oleh kerana sebab-sebab tertentu Kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk membenarkan beberapa keistimewaan dan kelonggaran untuk tempoh 5 tahun dari 1hb Julai, 1978 khas bagi pegawai/kakitangan anak negeri Sabah dan Sarawak yang telah memilih masuk ke perkhidmatan Kerajaan Persekutuan. Adapun tempoh 5 tahun ini telah berakhir mulai 1hb Julai 1983. Oleh yang demikian keistimewaan dan kelonggaran seperti terdapat di dalam [Pekeliling Perkhidmatan Bil 5/78](#) itu tidaklah lagi sah dilakukan melainkan yang diubahsuai seperti yang diturunkan di bawah ini:

- (a) Kakitangan dalam Kumpulan "C" dan "D" tidak perlu ditukarkan di antara Negeri Sabah, Negeri Sarawak dan Semenanjung melainkan di atas persetujuan mereka sendiri.
- (b) Kenaikan pangkat bagi Kumpulan "C" dan "D" bolehlah dipertandingkan di antara anak-anak negeri Sabah dan Sarawak masing-masing tanpa diadakan urusan naik pangkat yang disatukan bagi seluruh negara secara berterusan.
- (c) Urusan kenaikan pangkat bagi Kumpulan "A" dan "B" dengan mempertandingkan di kalangan anak negeri Sabah atau Sarawak sahaja bolehlah diteruskan sebagai keistimewaan sehingga 31hb Disember, 1985. Selepas itu urusan kenaikan pangkat bagi Kumpulan "A" dan "B" hendaklah dibuat secara disatukan (integrated), mempertandingkan pegawai-pegawai yang layak yang berasal dari ketiga-tiga wilayah berkenaan, seperti kehendak [Pekeliling](#)

[Perkhidmatan Bil. 5/78](#) itu.

- (d) Sebarang kelonggaran syarat untuk perlantikan ke mana-mana skim yang berkenaan hanya dibenarkan sehingga 31hb Disember, 1985 sahaja. Selepas dari tarikh ini keistimewaan ini tidak dibenarkan lagi.

3.2 Untuk menjalankan urusan kenaikan pangkat secara disatukan, Ketua Perkhidmatan perlulah menyediakan satu senarai kekananan Pegawai tersebut dahulu.

4. SURAT-SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 4/81 DAN BIL. 9/82

4.1 Dalam melaksanakan peraturan-peraturan dalam Surat Pekeliling yang ini peruntukan-peruntukan dalam [Surat-surat Pekeliling Bil. 4 Tahun 1981](#) dan [Bil. 9 Tahun 1982](#) berhubung dengan pemakaian [Peraturan-peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam 1972 \(P.U. \(A\) 47\)](#) bagi pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam Am Persekutuan di Sabah dan Sarawak hendaklah dipatuhi sepenuhnya.

5. TARIKH KUATKUASA

5.1 Tarikh kuatkuasa Surat Pekeliling ini ialah pada 1hb Julai, 1983.

5.2 Jika terdapat sebarang keraguan mengenai Surat Pekeliling ini silalah berhubung dengan Jabatan Perkhidmatan Awam.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATUK ZAHARI BIN A. RASHID)

*Pengarah Bahagian Perjawatan,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia*

14hb Oktober, 1985

Semua Ketua Setiausaha Kementerian,

Semua Ketua Jabatan Persekutuan,

Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah,

Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak.

s.k.

Setiausaha,
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Malaysia,
Jalan Cenderawasih,
KUALA LUMPUR.

Urusetia,

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,
Cawangan Sabah,
Tingkat 1, Bangunan Wing On Life,
Jalan Segunting,
Kota Kinabalu,
SABAH.

Urusetia,
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,
Cawangan Sarawak,
Tingkat 6, Bangunan EPF,
Jalan Simpang Tiga,
Kuching,
SARAWAK.

Pegawai Perjawatan Persekutuan Sabah,
Pejabat Perjawatan Persekutuan Sabah,
24, Tingkat 1,
Blok B, Karamunsing Warehouse,
Kota Kinabalu,
SABAH.

Pegawai Perjawatan Persekutuan Sarawak,
Pejabat Perjawatan Persekutuan Sarawak,
Tingkat 3, Bangunan Tunku Abdul Rahman,
Petra Jaya,
Kuching,
SARAWAK.